

18 SEPTEMBER 2017

Ditendang lepas pintu dipecahkan

Ditendang *lepas pintu dipecahkan*

Seorang lelaki bertindak agresif ketika cuba ditahan dalam serbuan di rumahnya

AZMAN CHE MAN

TANAH MERAH - Polis terpaksa melepaskan tembakan menggunakan pistol pegun atau taser gun bagi melumpuhkan seorang lelaki yang bertindak agresif ketika cuba ditahan dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Bukit Kechik, dekat sini, pada Jumaat.

Dalam operasi Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu pejabat Polis Daerah Tanah Merah, kira-kira jam 8.30 pagi itu, seorang pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) daerah ini berusia 40 tahun turut luka di perut akibat pergelutan tersebut.

Ketua Polis daerah, Deputi Superintendan Suzaimi Mohamad berkata, serbuan di bawah Ops Cantas itu dibuat susulan ugutan jenayah dilakukan suspek terbabit terhadap anggota AADK sebelum itu.

Katanya, pasukan serbu-

INFO • Polis terpaksa melepaskan tembakan guna pistol pegun untuk tangkap suspek

an beberapa kali mengetuk pintu bilik dalam rumah tersebut, namun suspek enggan membuka pintu menyebabkan pintu bilik terbabit terpaksa dipecahkan.

"Apabila pintu dipecahkan, suspek bertindak agresif menendang salah seorang anggota AADK dan berlaku pergelutan.

"Suspek tidak menghiraukan amaran supaya menyerah diri dan melihat keadaan berbahaya kepada anggota serbuan, polis melepaskan tembakan guna senjata jenis taser dan berjaya menahan suspek," katanya.

Tambahnya, pemeriksaan tubuh mendapati suspek berusia 26 tahun terbabit



SUZAIMI

mengalami luka di kening, pergelangan tangan kiri dan kanan serta luka di tapak kaki kiri akibat pergelutan itu.

"Dalam serbuan itu, polis turut merampas sebilah parang dan sebilah sabit yang berada di bawah katil di dalam bilik berkenaan.

"Ujian air kencing mendapati suspek positif methamphetamine dan mempunyai rekod lampau di bawah Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Sementara itu, Suzaimi



Ubat batuk jenis Kodelin yang dirampas polis susulan tangkapan empat suspek termasuk seorang wanita.

berkata, dalam kes berasingan sehari sebelum itu, polis berjaya empat suspek termasuk seorang wanita dan merampas pelbagai jenis dadah.

Katanya, wanita berusia 21 tahun itu ditahan dalam sebuah kereta di pekarangan Masjid Mukim Alor Pasir, dekat sini, kira-kira jam 11 pagi.

"Susulan tangkapan

ini, polis menyerbu sebuah rumah di Taman Desa Sri Permata, Alor Pasir dan menahan tiga lelaki berusia 18, 21 dan 27 tahun.

"Saringan awal ujian air kencing mendapati suspek lelaki berusia 21 dan 27 tahun positif dadah jenis methamphetamine," katanya.

Tambahnya, dalam Ops Cegah itu, polis turut me-



Antara bungkus cecair dipercayai air ketum yang dirampas.

rampas sebanyak 3,192 pil Yaba, 26 pil Eramin, 5,84 botol ubat batuk jenis Kodelin dan 10 liter cecair ketum.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan dan Seksyen 39A(1), Seksyen 12(2) serta Seksyen 15(1)(a) akta sama," katanya.